



17 Disember 2014  
17 December 2014  
P.U. (A) 336

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI) 2014

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES IN RELATION  
TO SECRETARIAL FEE AND TAX FILING FEE ) RULES 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN  
BERHUBUNG DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI)  
2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014.**

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015 berkenaan dengan potongan di bawah perenggan 2(1)(a) dan subperenggan 2(1)(b)(ii).

(3) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016 berkenaan dengan potongan di bawah subperenggan 2(1)(b)(i).

**Potongan**

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang berikut:

(a) yuran kesetiausahaan yang dikenakan berkenaan dengan perkhidmatan kesetiausahaans yang diberikan oleh seorang setiausaha syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk mematuhi kehendak statutori di bawah Akta itu, yang dilakukan dan dibayar oleh orang itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan